



## **SIARAN MEDIA** Untuk Siaran Segera

### **AGENSI NUKLEAR MALAYSIA DAN JABATAN PERTANIAN MALAYSIA METERAI NOTA KERJASAMA STRATEGIK BAGI TEKNOLOGI NUKLEAR DALAM BIDANG PERTANIAN**

---

**BANGI, 19 OGOS 2021** – Agensi Nuklear Malaysia dan Jabatan Pertanian Malaysia hari ini memeterai satu Nota Kerjasama Strategik bagi teknologi nuklear dalam bidang pertanian. Kerjasama ini adalah dalam bentuk penyelidikan, pembangunan, pengembangan dan pengadaptasian teknologi nuklear dan yang berkaitan, bersesuaian dengan keperluan industri pertanian negara dari peringkat pembiakbakaan, pengeluaran sehingga peringkat pemasaran dan kepenggunaan akhir produk atau hasil pertanian.

Di bidang pertanian, teknik nuklear dan isotop dapat digunakan dalam pelbagai kajian dan penyelidikan pengurusan sumber dan agroekosistem, agronomi, sivilkultur, baik-baka tanaman serta keselamatan dan ketulenan makanan. Dengan adanya instrumen dan alatan analisis termaju pada masa kini, teknik nuklear dan isotop dapat memberi data dan maklumat kajian dengan lebih terperinci, tepat dan cepat yang mana tidak dapat dilakukan sebelum ini.

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Ts. Dr. Siti A'iasah Hashim berkata, berdasarkan kemudahan dan kepakaran teknologi nuklear untuk pertanian yang sedia ada di Nuklear Malaysia pada masa kini, pelbagai aspek dan aktiviti dapat dilaksanakan menerusi kerjasama ini mengikut keutamaan keperluan negara dan industri. Kepakaran Jabatan Pertanian dalam menentukan skop dan fokus kajian kerjasama ini, sangat penting bagi memastikan output dan outcome kerjasama bakal memberi manfaat dan impak yang besar kepada industri pertanian negara khususnya kepada para petani.



Ts. Dr. Siti A'iasah juga menyatakan bahawa pelbagai maklumat dan pengetahuan dapat dikongsi bersama sepanjang program kerjasama ini. Nuklear Malaysia sebagai agensi perantara negara di Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), diberi mandat untuk menjalankan beberapa projek kerjasama IAEA/FAO berkaitan pertanian di Malaysia dan serantau. Projek-projek ini biasanya mempunyai komponen pembangunan kapasiti melalui latihan teknikal. Sehubungan itu, pegawai-pegawai Jabatan Pertanian yang berkaitan juga akan dapat dilibatkan dalam projek ini dan juga mengikuti latihan yang relevan.

**-TAMAT-**

---

---

DIKELUARKAN OLEH :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**